



PARLIMEN MALAYSIA



RANG UNDANG-UNDANG
Pengangkutan Jalan (Pindaan) 1988
DR.17/1988

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta untuk meminda Akta Pengangkutan Jalan 1987.

[]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Pengangkutan Jalan (Pindaan) 1988 dan hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.
Tajuk ringkas dan mula berkuatkuasa.
2. Seksyen 2 Akta Pengangkutan Jalan 1987, yang disebut “Akta ibu” dalam Akta ini, adalah dipinda dengan memasukkan sebelum sahaja takrif “alat tanah” takrif baru “Akta ini” yang berikut:
“Akta ini” termasuklah apa-apa perundangan subsidiari yang dibuat di bawah Akta ini;”.
Pindaan seksyen 2. Akta 333.
3. Akta ibu adalah dipinda—
Pindaan seksyen 7, 17, 35, 66, 108, 119 dan 125.
 - (a) dengan memotong perkataan-perkataan “atau apa-apa kaedah yang dibuat di bawahnya” dalam seksyen 7, 17 dan 35;
 - (b) dengan memotong perkataan-perkataan “atau apa-apa kaedah di bawahnya” di mana jua terdapat dalam seksyen 108;

- (c) dengan memotong perkataan-perkataan “atau mana-mana kaedah yang dibuat di bawahnya” dalam seksyen 119; dan
- (d) dengan memotong perkataan-perkataan “dan apa-apa kaedah yang dibuat di bawahnya” dalam seksyen 66 dan 125.

Pindaan
seksyen 66.

4. Seksyen 66 teks bahasa kebangsaan Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan “Merinyu” dalam subseksyen (1)(II) dengan perkataan “Inspektor”.

Pindaan
seksyen 69.

5. Seksyen 69 teks bahasa kebangsaan Akta ibu adalah dipinda dengan memotong perkataan “tempatan” dalam nota birai.

Pindaan
seksyen 117.

6. Seksyen 117 teks bahasa kebangsaan Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan “Merinyu” dalam subseksyen (6)(aa) dengan perkataan “Inspektor”.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan meminda Akta Pengangkutan Jalan 1987, yang disebut selepas ini sebagai “Akta”.

2. *Fasal 2* Rang Undang-Undang bertujuan memasukkan takrif baru “Akta ini” dalam seksyen 2 Akta bagi mengelakkan apa-apa keraguan dalam pentafsiran perkataan-perkataan tersebut.

3. Pindaan-pindaan yang terkandung dalam *fasal 3* adalah berbangkit daripada kemasukan tafsiran baru itu.

4. *Fasal 4* dan *6* bertujuan meminda seksyen 66 dan 117 teks bahasa kebangsaan dengan menggantikan istilah “merinyu” dengan istilah “Inspektor” untuk menjadikannya selaras dengan Akta Timbang dan Sukat 1972.

5. *Fasal 5* bertujuan membetulkan kesilapan gubalan dalam teks bahasa kebangsaan.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [PN. (U²) 1466.]